

SOROTAN SEJARAH PENYAKIT BERJANGKIT (WABAK) SEBAGAI ASAS PEMBINAAN FIQH PANDEMIK: KAJIAN MAQASIDIAH

REVIEW ON THE HISTORY OF INFECTIOUS DISEASES (EPIDEMIC) AS THE BASIS FOR THE CONSTRUCTION OF FIQH PANDEMIK: A MAQASIDIC STUDY

ⁱLukman Abd Mutalib, ⁱWan Abdul Fattah Wan Ismail, ⁱAhmad Syukran Baharuddin, ⁱAbdul Manan Ismail, ⁱMohd Soberi Awang, ⁱSetiyawan Gunardi, ⁱⁱSiti Fatimah Salleh, ⁱMuhammad Hazim Ahmad

ⁱFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

ⁱⁱFakulti pengajian kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

*(Corresponding author) email: lukman@usim.edu.my

ABSTRAK

Penularan penyakit berjangkit (wabak) bukanlah perkara baharu dalam tamadun manusia. Mutakhir ini tamadun manusia sedang diuji lagi dengan penularan pandemik COVID-19. Wabak ini telah menjangkiti jutaan manusia daripada seluruh pelosok dunia serta memakan banyak nyawa. Wabak seperti ini adalah persis penularan wabak yang telah berlaku dan direkodkan dalam lintasan sejarah Islam sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. Wabak yang kerap berlaku dalam sejarah Islam adalah wabak taun. Musibah ini telah meragut ribuan nyawa umat Islam pada waktu itu. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat bagaimana kerangka fiqh pandemik terbina berdasarkan kepada peristiwa penularan wabak dalam sejarah Islam, mengeluarkan mutiara hukum dari peristiwa tersebut dan menghubungjalinkannya dengan maqasid syariah. Kajian kualitatif ini telah mengumpulkan data yang relevan melalui dokumen primer dan sekunder dan menganalisisnya menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati bahawa taun adalah penyakit berjangkit atau wabak yang seringkali menular dalam sejarah Islam. Terdapat beberapa siri penularan wabak taun yang telah direkodkan dalam lintasan sejarah Islam sejak dari zaman Rasulullah (s.a.w.). Ramai umat Islam termasuklah para sahabat (r.a.) meninggal dunia akibat daripada jangkitan wabak taun tersebut. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa *istintāj* hukum diperoleh daripada amalan dan tindakan yang dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w.) serta para sahabat (r.a.) dalam mendepani wabak taun ini. Seterusnya, *istintāj* tersebut mempunyai hubungan rapat dengan konsep maqasid syariah dalam memenuhi kemaslahatan serta menghindari umat manusia daripada sebarang kemudaratan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pembuka jalan kepada pembinaan Fiqh Pandemik untuk kemudahan pelbagai pihak termasuklah *ulil amri*, pihak berkuasa, dan juga orang awam.

Kata kunci: *Fiqh pandemik, wabak, sejarah penyakit berjangkit, istintāj al-ḥukm, maqasid syariah*

Pengenalan

Terdapat pelbagai definisi dan tafsiran yang telah diberikan oleh pelbagai pihak terhadap leksikal “wabak”. Para ulama terdahulu mempunyai beberapa definisi terhadap kalimah *al-wabā’*. Pertama, kerosakan yang berlaku pada jirim udara sama ada kerana penyebab dari langit atau bumi (M. A. R. T. A. al-Munāwī, 1990; al-Suyūfī, 2004; al-Tahānawī, 1996);¹⁷³ Kedua, taun atau wabak (al-Barakafī, 2003; al-Firuzabadi, 2005;

¹⁷³ Ibnu al-Nafīs (2004) menerangkan maksud penyebab dari bumi adalah seperti air yang telah berubah warna dan baunya, serta banyak bangkai yang ditemui dalam air tersebut. Begitu juga seperti yang berlaku pada tempat-tempat peperangan ketika mayat-mayat korban perang belum sempat dikuburkan, dan juga tanah yang lembap dan juga, atau kerana banyaknya serangga dan katak. Manakala penyebab dari langit, beliau menyatakan bahawa

Ibnu Manzur, 1992); Ketiga, penyakit biasa atau umum (al-Barakafī, 2003; al-Firuzabadi, 2005; al-Rāzī, 1999; Ibnu Manzur, 1992).

Sementara itu, Umar (2008) memberikan takrifan *al-wabā'* sebagai setiap penyakit sangat menular, cepat merebak dari satu tempat ke tempat lain, mempengaruhi manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan, dan biasanya membawa maut, seperti taun iaitu sejenis epidemik yang sering merebak selepas berlakunya peperangan. Selain itu, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), wabak penyakit adalah berlakunya kes-kes penyakit yang melebihi jangkaan normal. Jumlah kes berbeza-beza mengikut agen penyebab penyakit, saiz dan jenis pendedahan sebelum dan sedia ada kepada agen (Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 2020). Manakala bagi konteks Malaysia pula, Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] mentafsirkan wabak sebagai kemerebakan sesuatu penyakit dengan bertambahnya kes dalam sesuatu kawasan.

Tafsiran moden yang diberikan berkenaan *al-wabā'* adalah selari dengan takrifan yang dinyatakan oleh al-Nawāwī (1972) iaitu penyakit yang berlaku di satu tempat di bumi dan juga di tempat lain. Penyakit ini berlaku tidak seperti penyakit lain, baik dari segi jumlah orang yang dijangkiti dan sebagainya. Penyakit yang menimpa kebanyakan orang ini adalah penyakit yang sama. Ia tidak disebut *al-wabā'* jika penyakit berlaku pada masa yang berlainan, atau jika banyak orang sakit tetapi mempunyai penyakit yang berbeza. Penularan penyakit berjangkit (wabak) bukanlah perkara baharu dalam tamadun manusia. Mutakhir ini tamadun manusia sedang diuji lagi dengan penularan pandemik COVID-19. Wabak ini telah menjangkiti jutaan manusia daripada seluruh pelusok dunia serta memakan banyak nyawa. Wabak seperti ini adalah persis penularan wabak yang telah berlaku dan direkodkan dalam lintasan sejarah Islam sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. Wabak yang kerap berlaku dalam sejarah Islam adalah wabak taun. Musibah ini telah meragut ribuan nyawa umat Islam pada waktu itu. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat bagaimana kerangka fiqh pandemik terbina berdasarkan kepada peristiwa penularan wabak dalam sejarah Islam, mengeluarkan mutiara hukum dari peristiwa tersebut dan menghubungjalinkannya dengan maqasid syariah.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah penyelidikan dokumentari untuk menilai buku-buku yang ditulis oleh para sarjana dan ahli akademik. Di samping itu, metodologi yang sama juga digunakan untuk menilai hasil kajian terkini yang dilaporkan dalam jurnal berkualiti dan berindeks. Kaedah penyelidikan dokumentari digunakan untuk mendapatkan dan mengumpulkan data-data yang relevan melalui dokumen, penulisan, dan rekod yang telah dihasilkan (Neely & Ponshunmugam, 2019; Prior, 2008). Tujuan utama kaedah ini adalah untuk menilai secara ilmiah terhadap dokumen bertulis sama ada dokumen awam atau persendirian (Payne & Payne, 2004; Walsh, 2014). Bagi tujuan kajian ini, kami menilai kedua-dua jenis dokumen.

Dalam kajian ini, kami telah menilai kitab-kitab utama yang membahaskan tentang sejarah wabak taun seperti kitab-kitab hadis, dan juga kitab-kitab sejarah yang muktabar. Kami telah menentukan data dari dokumen-dokumen ini adalah data utama kerana data-data ini menjadi sumber rujukan kepada para fuqaha pada zaman selepasnya sehingga ke hari ini.

Tambahan lagi, data sekunder bagi kajian ini adalah perbincangan dalam bidang sejarah wabak, taun, COVID-19. Selain itu, data sekunder juga diperolehi daripada penulisan di dalam jurnal berindeks terutamanya Scopus dan WOS yang diperolehi dari pangkalan data Scopus yang diakses melalui portal EZproxy Universiti Sains Islam Malaysia.

Kemudian, data yang diperolehi telah dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan untuk memahami dan mengeluarkan maklumat-maklumat penting dan berguna yang berada di sekitar teks dokumen (Leavy, 2017). Oleh kerana kajian ini merupakan kerja kualitatif, maka analisis kandungan dalam

ianya adalah seperti komet dan meteor yang jatuh pada akhir musim panas dan gugur, banyaknya hembusan angin utara dan timur pada bulan *al-kānūnāy* (Disember dan Januari), dan seperti ketika ada tanda-tanda turunnya hujan tampak tetapi ternyata tidak turun hujan.

kajian ini telah dilaksanakan secara induktif (Julien, 2008). Proses ini dilaksanakan secara berulang (rekursif) melibatkan proses pungutan dan analisis data yang berkaitan dengan penerapan definisi, peraturan, atau prosedur bagi mendapatkan keputusan yang berterusan (Hayes, Navarro, Stephens, Ransom, & Dilevski, 2019; Leavy, 2017; Liew, Grisham, & Hayes, 2018).

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dapatan kajian ini dan perbincangan mengenainya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu penularan wabak tau dalam sejarah Islam, *istintāj* hukum daripada amalan dan tindakan dalam mendepani wabak taun, dan hubungan antara *istintāj* dengan maqasid syariah.

a) Penularan wabak taun dalam sejarah Islam

Sebahagian fuqaha mentakrifkan *al-wabā'* sebagai *al-tā'ūn* (al-Barakatī, 2003; al-Firuzabadi, 2005; Ibnu Manzur, 1992). Akan tetapi, al-Nawāwī (1972), Ibnu Hajar al-'Asqalani (2013), dan Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (1994) menjelaskan bahawa *al-wabā'* dan *al-tā'ūn* memiliki pengertian umum dan spesifik. Setiap *al-tā'ūn* adalah *al-wabā'* tetapi tidak semua *al-wabā'* itu *al-tā'ūn*. Kajian ini bersetuju dengan penjelasan mereka. Hal ini kerana *al-tā'ūn* adalah sejenis wabak penyakit, dan terdapat beberapa lagi penyakit lain yang diklasifikasikan sebagai wabak seperti Kolera, Chikugunya, Influenza, Zika, dan Ebola. Terdapat pelbagai definisi *al-tā'ūn* yang telah diberikan oleh para ulama dalam bidang bahasa, fiqh, dan perubatan. Ibnu Hajar al-'Asqalani (2013) menyimpulkan kesemuanya seperti berikut:

وَالْحَاصِلُ أَنَّ حَقِيقَتَهُ ورم ينشأ عن هيجانِ الدَّمِ أو انصبابِ الدَّمِ إِلَى عَضْوٍ فَيُفْسِدُهُ وَأَنَّ غَيْرَ ذَلِكَ مِنَ
الْأَمْرَاضِ الْعَامَّةِ النَّاشِئَةِ عَنِ فَسَادِ الْهَوَاءِ يُسَمَّى طَاعُونًا بِطَرِيقِ الْمَجَازِ لِاشْتِرَاكِهَمَا فِي عُمُومِ الْمَرَضِ بِهِ أَوْ
كَثْرَةِ الْمَوْتِ

Maksudnya: *Kesimpulannya, hakikat al-tā'ūn adalah pembengkakan yang muncul akibat daripada peningkatan kelajuan aliran darah ke organ-organ dalam badan sehingga merosakannya. Adapun penyakit yang umumnya berpunca daripada keadaan udara yang rosak disebut sebagai al-tā'ūn adalah dari segi majaz, kerana sama-sama menyebabkan banyak kematian.*¹⁷⁴ (Ibnu Hajar al-'Asqalani, 2013, p. 510)

¹⁷⁴ Berdasarkan kepada kesimpulan ini, penyelidik mendapati Ibnu Hajar al-'Asqalani (2013, t.t.) lebih cenderung kepada pendapat yang diutarakan oleh beberapa pakar perubatan terkemuka termasuklah Ibnu Sinā (1999). Menurut Ibnu Sinā (1999), pembengkakan yang berlaku adalah berpunca daripada darah rosak sehingga menyebabkan masuknya zat beracun yang merosakkan anggota tubuh tertentu dan bahagian lain yang berdekatan dengannya. Apabila darah beracun ini sampai ke jantung, ia akan mengganggu fungsinya serta menyebabkan pesakit berasa *nausea*, berdebar, dan pengsan. Anggota tubuh yang selalu diserang adalah bahagian yang paling lemah seperti bahagian *maghābin*, belakang telinga, dan hidung. Kesan serangan dapat dilihat menerusi perubahan kesan warna pada bahagian anggota tersebut. Paling merbahaya adalah kesan warna hitam yang boleh menyebabkan kematian, manakala yang tidak membahayakan pesakit ialah kesan warna merah dan kuning. Keterangan Ibnu Sinā (1999) ini adalah konsisten dengan keterangan yang telah diberikan oleh pakar perubatan sebelumnya seperti Abu Bakar al-Rāzī (w. 925M/313H) dalam *al-Hāwī fī al-Ṭib* dan Ibnu al-Majūsi (w. 994M/383H) dalam *Kāmil al-Ṣinā'ah al-Ṭibbiyah* (Conrad, 1982). Keterangan daripada pakar perubatan ini adalah di antara pendapat-pendapat yang telah Ibnu Hajar nyatakan pada permulaan perbincangan *Bāb Mā Yuzkaru fī al-Tā'ūn* di dalam kitabnya *Fath al-Bārī bi-Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* dan juga pada bab *Zakara Ishtiqāquhu* di dalam kitabnya yang lain *Baḥ al-Mā'ūn fī Faḍli al-Tā'ūn*.

Simptom *al-ṭā'ūn* dapat dikenalpasti melalui bengkakan yang mengandungi nanah pada lapisan kulit yang boleh pecah dan merebak ke bahagian badan yang lain. Bengkakan ini biasanya didapati pada bahagian siku, ketiak, tangan, jari, atau mana-mana bahagian badan; dan bengkakan ini akan disusuli rasa sakit apabila disentuh. Apabila bengkak tersebut pecah dan diikuti rasa yang amat sakit; kawasan di sekeliling bengkakan akan menjadi kehitaman, gelap, kemerahan, atau berwarna ungu; dan keadaan ini turut menyebabkan degupan jantung menjadi laju serta *nausea* (muntah-muntah) (al-Nawāwī, 1972; Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, 1994; Ibnu Sinā, 1999). Simptom *al-ṭā'ūn* ini secara jelas menafikan anggapan bahawa taun yang berlaku adalah penyakit Kolera, sebaliknya ia memberikan gambaran jelas kepada penyakit hawar bubonik (*bubonic plague*) iaitu hawar yang menyebabkan radang pada kelenjar limfa (*limfadenitis*) dan sekitar kelenjar limfa (Che Mohamad, Shahar, Md Tahir, & Syed Abd. Hamid, 2020; Conrad, 1982; Rusli, 2014).¹⁷⁵

Penularan wabak taun telah banyak dinyatakan oleh para sejarawan Islam merangkumi peristiwa-peristiwa besar dan kecil. Penyelidik mendapati bahawa para sejarawan Islam membahaskan dengan terperinci pada peristiwa besar taun dan hanya menyatakan maklumat ringkas pada peristiwa yang kecil. Tambahan lagi, sebanyak 45 peristiwa penularan wabak taun dalam sejarah Islam telah dinyatakan oleh Ibnu Hajar al-'Asqalani (t.t.).¹⁷⁶ Peristiwa pertama yang beliau rekodkan adalah Taun Syīrawaih, dan peristiwa terakhir adalah taun di Kaherah dan Mesir pada tahun 833H/1430M. Kemudian, al-Suyūfī (1996b) menambahkan lagi tiga peristiwa penularan wabak taun dalam sejarah Islam. Menurut Abu al-Hasan al-Madā'inī (w. 843H/1439M), terdapat empat peristiwa besar taun yang masyhur dalam sejarah Islam, iaitu *Taun Syīrawaih* yang berlaku pada tahun 6H/627M di zaman Rasulullah (s.a.w.), *Taun 'Amwās* yang berlaku pada tahun 18H/639M di zaman pemerintah Saidina Umar al-Khattab (r.a.), *Taun al-Jārif* yang berlaku pada tahun 69H/689M, dan *Taun al-Fatayāt* yang berlaku pada tahun 87H/706M (Ibnu Hajar al-'Asqalani, t.t.). Kemudian, Ibnu Hajar al-'Asqalani (t.t.) menambah lagi satu peristiwa besar taun dalam sejarah Islam, iaitu *Taun al-'Ām* yang berlaku pada tahun 749H/1348M.

Jenis taun	Lokasi terlibat	Tahun penularan	Jumlah korban
<i>Taun Syīrawaih</i>	Ctesiphon (Mada'in)	6H/627M	Tidak diketahui
<i>Taun 'Amwās</i>	Syam	18H/639M	25,000
<i>Taun al-Jārif</i>	Başrah	69H/689M	Sekitar 214,000
<i>Taun al-Fatayāt @ al-Ashrāf</i>	Iraq (Basrah, Wasit, Kufah) dan Syam	87H/706M	Tidak ditentukan secara spesifik
<i>Taun al-'Ām</i>	Mesir, Lubnan, Syria, dan lain-lain	749H/1348M	Tidak ditentukan secara spesifik

Jadual 1: Taun utama dalam sejarah Islam

Jadual 1 di atas merumuskan jenis-jenis taun yang mendapat perhatian dalam kalangan para sejarawan Islam. Mereka menghuraikan setiap peristiwa yang berlaku dengan menyatakan lokasi yang terlibat, tahun penularan, dan juga anggaran jumlah korban taun. Akan tetapi, penyelidik mendapati bahawa hanya *Taun*

¹⁷⁵ Bagi kes hawar bubonik, terdapat pembentukan kawasan yang kemerahan, kering, dan panas pada kulit pesakit. Pembentukan ini diikuti dengan rasa yang amat sakit pada kawasan gigitan kutu. Keadaan ini akan memaksa pesakit menekan kawasan tertentu akibat rasa terlalu sakit yang disebabkan oleh pembengkakan pada nodus limfa (Conrad, 1982; Wickremesinghe, 1997; Yang, 2018).

¹⁷⁶ Ibnu Hajar al-'Asqalani (t.t.) menjelaskan bahawa terdapat hampir 40 peristiwa taun yang telah dinyatakan oleh para sejarawan di zamannya, namun, beliau mendapati angka tersebut meliputi bencana yang menyebabkan kematian masif seperti kelaparan akibat kemarau, demam, atau bencana alam. Sementara itu, 45 peristiwa yang beliau nyatakan dalam *Bazl al-Mā'ūn fī Faḍli al-Ṭā'ūn* ini adalah secara khusus berkenaan peristiwa-peristiwa yang melibatkan kematian akibat penyakit Taun.

'*Amwās* sahaja yang dapat dihitung jumlah korbannya, selebihnya hanya dalam bentuk anggaran tanpa nilai angka yang pasti. Kelima-lima jenis taun ini akan dihuraikan dengan ringkas pada sub-topik selanjutnya.

Taun Syīrawaih

Wabak ini tidak terjadi di Hijaz atau di dalam sempadan negara Islam Arab pada waktu itu, dan dari namanya nampaknya itu adalah wabak yang terjadi di negeri-negeri yang berada di bawah takluk Empayar Sassania (Fadhil, 2011). Nama taun ini diambil sempena nama Raja Syirawaih bin Kisrā (Siroes @ Kobad II) yang telah membunuh ayahandanya sendiri Raja Kisrā Khusrā Abarwīz (Chosroes II @ Khosrow Parviz) untuk mendapatkan takhta sebagai Raja Parsi Sassania (Dols, 1974; Khayyāt, 1977; Sibṭ ibn al-Jawzi, 2013). Kemudian, wabak taun melanda di al-Mada'in¹⁷⁷ pada zaman pemerintahannya dan Raja Syirawaih mangkat akibat wabak tersebut (Khayyāt, 1977; Sibṭ ibn al-Jawzi, 2013). Kesemuanya berlaku sekitar tahun 6H/627M (Khayyāt, 1977). Malangnya, maklumat mengenai wabak taun ini sangat terhad sehingga menyebabkan beberapa sejarawan Islam seperti Ibnu Qutaibah (1992) tidak menjadikannya sebagai wabak pertama dalam sejarah Islam. Menurut Fadhil (2011), kemungkinan besar Ibnu Qutaibah tidak menyebutkan taun Syīrawaih sebagai wabak pertama dalam Islam kerana ia terjadi di al-Mada'in, dan pada waktu itu al-Mada'in masih di bawah kekuasaan Empayar Parsi Sassania. Tidak diketahui angka korban yang sebenar, tetapi, yang jelas tiada seorang pun dari kalangan Muslimin yang menjadi korban taun ini (al-Suyūṭī, 1996b).

Taun 'Amwās

Ini adalah wabak kedua dalam sejarah Islam, dan yang pertama menimpa umat Islam secara langsung. Sedangkan al-Jawharī (1987) dan Ibnu Qutaibah (1992) menyatakan bahawa ianya adalah wabak pertama dalam sejarah Islam. Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan sejarawan Islam berkenaan tahun berlakunya taun ini. Sebahagian daripada mereka menetapkannya pada tahun 17H/638M (Ibnu Abi 'Āṣim, 1991; Ibnu al-Jawzī, 1992), manakala sebahagiannya lagi menetapkannya pada tahun 18H/639M (al-Suyūṭī, 2013b; al-Zahabi, 1993). Kemudian, Ibnu Kathir (1997) menyatakan bahawa taun ini dinamakan 'Amwās kerana ia bermula dari 'Amwās iaitu suatu kawasan perkampungan kecil yang terletak antara Yerusalem dan Ramleh sebelum ia merebak ke Syam. Manakala al-Suyūṭī (1996b) pula menyatakan ianya juga dinamakan sedemikian kerana tentera Arab diserang dengan teruk oleh penyakit ini ketika mereka berada di 'Amwās.

Menurut Sayf ibn Umar (w. 796H), serangan taun itu terjadi pada bulan Muharram–Safar 17H/Januari–Februari 638M, kemudian menghilang sebelum kembali sekali lagi dan menyebabkan banyak kematian dalam kalangan tentera Islam sehingga musibah ini seolah-olah memberikan keuntungan dan kelebihan kepada pihak musuh (iaitu tentera Bizantium) (al-Suyūṭī, 1996b). Seramai 25,000 orang tentera Islam telah terkorban akibat wabak taun 'Amwās (Ibnu Kathir, 1997). Seterusnya, Khayyāt (1977) dan Ibnu al-Athir (1997) menyatakan bahawa terdapat beberapa orang Sahabat Rasulullah (s.a.w.) turut menjadi korban wabak ini, antaranya ialah Abu Ubaidah al-Jarrah (r.a.), Mu'az bin Jabal (r.a.), Yazid bin Abi Sufyan (r.a.), Syurahbil bin Hasanah (r.a.), dan al-Harith bin Hisham bin al-Mughirah (r.a.). Suhail bin Amru (r.a.), Utbah bin Suhail (r.a.), dan Amir bin Ghaylan al-Thaqafi (r.a.).

Penularan wabak taun 'Amwās dalam sejarah Islam ini penting kerana ia secara langsung mempengaruhi tafsiran perundangan Islam mengenai wabak. Segala suruhan dan tegahan yang pernah Rasulullah (s.a.w.) berikan berkaitan penyakit taun telah ditafsirkan dan diterjemahkan kepada tindakan para sahabat dalam mendepani wabak. Tiga prinsip agama yang berasal dari hadis-hadis Rasulullah (s.a.w.) banyak mempengaruhi masyarakat Muslim awal ketika mereka menghadapi penyakit ini: (1) wabak adalah rahmat dan syahid dari Allah bagi orang Islam yang beriman dan hukuman bagi orang kafir; (2) Seorang

¹⁷⁷ Kröger (2011) menyatakan bahawa al-Mada'in merujuk kepada Ctesiphon (*Tīsfūn*) iaitu kota kuno di Tigris bersebelahan dengan bandar Hellenistic Seleucia, sekitar 35 km ke selatan dari Baghdad.

Muslim tidak boleh memasuki atau melarikan diri dari kawasan yang dilanda wabak; dan (3) tidak ada penyakit yang berjangkit, kerana penyakit datang langsung dari Allah.

Taun al-Jārif

Selain wabak taun Syīrawaih dan ‘Amwās, wabak besar ketiga adalah Taun al-Jārif pada tahun 69H/688M. Menurut Ibnu Manzur (1992), taun ini dinamakan sebagai al-Jārif kerana ia menyapu manusia sebagaimana banjir besar menyapu bersih tanah-tanah. al-Mada’ini menyatakan bahawa taun ini berlaku hanya selama tiga hari, dan setiap hari jumlah korbannya mencecah 70,000 nyawa (al-Yāfi‘ī, 1997; Ibnu al-‘Imād al-Hanbali, 1986). Selain itu, Ibnu Kathir (1997) menerangkan pada hari pertama wabak, masyarakat di Bashra yang meninggal dunia adalah seramai 70,000 orang, hari kedua seramai 71,000 orang, dan hari ketiga seramai 73,000 orang, sedangkan pada hari keempat seakan-akan semua manusia di Baṣrah itu meninggal dunia kecuali sedikit saja yang masih hidup.

Terdapat kesukaran yang besar dalam menguburkan mangsa korban taun al-Jārif (Abu Na‘im al-Asbahāni, 1974; Ibnu al-Jawzī, 1992). Hal ini disebabkan oleh jumlah korban yang terlalu ramai dan semakin meningkat secara mendadak pada setiap hari. Pada mulanya, usaha pengebumian tetap dijalankan walaupun kematian yang berlaku adalah bersifat masif, akan tetapi, lama-kelamaan ianya terpaksa dihentikan akibat terlalu banyak mayat bergelimpangan (Abu Na‘im al-Asbahāni, 1974; Ibnu Kathir, 1997).¹⁷⁸ Usaha yang dapat dilakukan pada waktu itu hanyalah dengan mengunci pintu rumah di mana semua penghuninya telah meninggal dunia akibat penularan taun al-Jārif (Ibnu al-Jawzī, 1992; Ibnu Kathir, 1997). Hal ini dilaksanakan bagi mencegah rampasan harta dari pihak yang tidak bertanggungjawab dan juga menghalang binatang pemangsa daripada memakan mayat-mayat yang bergelimpangan di kawasan tersebut (al-Suyūṭī, 1996b; Ibnu Abi al-Dunya, 1993).

Antara yang terkorban dalam bencana ini ialah 70 orang anak Anas bin Malik (r.a.), Qabisah bin Jabir, dan Abu al-Aswad al-Du‘ali @ al-Daili (al-Yāfi‘ī, 1997).

Taun al-Fatayāt atau al-Ashrāf

Taun keempat dinamakan *Taun al-Fatayāt* (remaja perempuan) yang melanda Iraq (Baṣrah, Kufah, Wasit), dan Syam pada bulan Syawal tahun 87H/706M (Ibnu Qutaibah, 1992). Ianya dinamakan sedemikian kerana pada permulaan taun ini, mangsa korbannya adalah dari kalangan wanita dan remaja perempuan sebelum ia mula merebak dan menyerang kalangan lelaki (al-Suyūṭī, 1996b, 2013b; Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t.). Akan tetapi, kajian Fadhl (2011) mendapati sejarawan Islam yang menamakannya sebagai *al-Fatayāt* tidak langsung merekodkan nama-nama masyhur dari kalangan *fatayāt* yang terkorban dalam wabak taun ini, atau menyatakan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Taun *al-Fatayāt* agar dapat diukur kerosakan yang berpunca daripada wabak ini.

Sebaliknya, nama-nama masyhur yang direkodkan adalah dari kalangan mereka yang berpangkat dan mempunyai kedudukan dalam masyarakat. Hal ini telah menyebabkan sebahagian sejarawan menamakan taun yang melanda pada tahun 87H/706M sebagai *Taun al-Ashrāf* (bangsawan). Beberapa nama bangsawan dan orang terhormat yang menjadi mangsa korban taun ini ialah Khalifah Bani Mu‘awiya bernama Khalifah Abdul Malik bin Marwan, Tengku Mahkota Syam bernama Ayub bin Sulaiman bin Abdul Malik, Putera Umayyah dan juga Gabenor Khurasan bernama Umayyah bin Abdullah bin Khalid, dan perawi hadis nabi bernama Muṭarrif bin Abdullah bin al-Shikhkhir (al-Suyūṭī, 1996b, 2013b; Fadhl, 2011).

¹⁷⁸ Bahkan sampai ke satu tahap apabila pemeriksaan dilaksanakan terhadap rumah-rumah yang berada di kawasan Baṣrah, tiada seorang pun ahli rumah yang didapati terselamat dan hidup. Hasil pemeriksaan hanya menemukan jasad-jasad yang sudah tidak bernyawa di dalam rumah (Ibnu al-Jawzī, 1992; Ibnu Kathir, 1997).

Taun al-‘Ām @ al-Kabīr

Pada tahun 749H/1348M, sejenis pandemik taun telah melanda benua Eropah yang dinamakan sebagai “*Black Death*” pada tahun 1347 hingga 1352 (Zietz & Dunkelberg, 2004). Bencana ini mempunyai kesan besar terhadap perkembangan sosio-ekonomi, budaya, seni, agama, dan politik di benua Eropah (Stenseth et al., 2008). *Black Death* dinamakan pada tahun 1823 kerana bintik hitam yang disebabkan oleh pendarahan subkutan yang muncul pada kulit mangsa (Duncan & Scott, 2005). Wabah itu menewaskan sekitar 15 hingga 23.5 juta orang Eropah, yang mewakili sekitar seperempat hingga sepertiga penduduk pada masa itu, walaupun terdapat catatan tempatan yang menunjukkan angka kematian yang lebih tinggi (Zietz & Dunkelberg, 2004). Tambahan lagi, *Black Death* adalah salah satu daripada tiga pandemik hawar yang sangat penting dari segi perubatan dan sejarah, selepas *Justinian plague* pada pertengahan abad keenam dan sebelum *Bombay plague* pada akhir abad kesembilan belas (Dols, 1974; Stenseth et al., 2008; Zietz & Dunkelberg, 2004).

Black Death ini juga merebak ke beberapa buah negara Islam. Rekod dalam risalah *al-Nabā’ ‘an al-Wabā’* yang ditulis oleh Ibnu al-Wardi (1996) menunjukkan beberapa negara Islam yang dilanda wabak ini, antaranya Mesir, Syria, Lubnan, dan Turki. Sejarawan Islam menamakan wabak ini sebagai *Taun al-‘Ām @ al-Kabīr* (al-Suyūfī, 1996b; al-Zahabi, 1985). Menurut Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.), wabak negara Islam ini terjadi pada awal tahun 479H/1348M, kemudian merebak pada bulan Rejab, menjadi semakin parah pada bulan Syawal, dan pulih sepenuhnya pada bulan Zulhijjah.

Tiada jumlah keseluruhan bagi mangsa korban yang dinyatakan secara spesifik oleh para sejarawan Islam. Ibnu Kathir (1997) yang pada zaman tersebut serta menyaksikan sendiri kedahsyatan *Taun al-‘Ām* tersebut dan telah merekodkan pada awalnya sebanyak lebih daripada 100 nyawa terkorban pada setiap hari di Damsyik. Namun, jumlah ini semakin meningkat kepada lebih daripada 200 nyawa terkorban pada setiap hari. Manakala Majduddin al-As‘ardi menyatakan ketika beliau ditugaskan mengawasi pintu-pintu masuk Kaherah, beliau telah mengira jumlah korban taun pada bulan Sya‘ban dan Ramadhan, ternyata ianya mencapai lebih daripada 900,000 nyawa (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t.). Bahkan, Ibnu Abu Hajalah menyatakan bahawa jumlah tersebut tidak termasuk mereka yang bukan penduduk tetap (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t.).

Tambahan lagi, Ibnu Kathir (1997) dan Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) merekodkan bahawa pelbagai aktiviti keagamaan telah dilaksanakan semasa pandemik tersebut dengan harapan agar taun segera hilang. Pada bulan Rabi‘ul Awal, mereka berkumpul beramai-ramai membaca al-Qur‘an dan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Pada hari yang lain pula, ada juga manusia yang berkumpul dan membaca Surah Nuh sebanyak 3363 kali di Mihrāb al-Ṣaḥābat yang terdapat di Masjid Umawi di Damsyik. Mereka melakukannya berdasarkan petua seorang lelaki yang bermimpi berjumpa Rasulullah (s.a.w.). Akan tetapi, ternyata taun tidak hilang malah bertambah parah. Selain itu, para imam solat juga membaca qunut nazilah dalam solat fardu dan berdoa dengan penuh khusyuk dan tawaduk memohon bantuan dari Allah agar melepaskan mereka dari wabak ini. Mereka juga diseru untuk berpuasa tiga hari, memperbanyak amalan iktikaf dan qiamullail di masjid seolah-olah berada dalam suasana bulan Ramadhan. Bahkan manusia dari pelbagai lapisan bangsa dan agama berkumpul di dataran pasir yang luas, bermula dari selepas Subuh sehingga Zuhur, semata-mata untuk berdoa kepada Allah. Malangnya, perkara-perkara ini hanya menambah keganasan taun dan mengakibatkan korban taun semakin bertambah.

b) *Istintāj* hukum daripada amalan dan tindakan dalam mendepani wabak taun

Terdapat beberapa hukum-hakam fiqh yang boleh disimpulkan (*istintāj al-ḥukm*) berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa penularan wabak taun yang telah dinyatakan pada perbincangan terdahulu.

i) Sekatan perjalanan keluar dan masuk kawasan berwabak

Menurut Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (1994), tindakan ini adalah langkah yang terbaik dalam menangani penyakit taun. Menurut beliau, tatkala Rasulullah (s.a.w.) melarang umatnya untuk masuk ke kawasan terjadinya wabak dan melarang mereka keluar dari kawasan terjadinya penyakit tersebut, baginda sebenarnya telah menggabungkan sistem pencegahan penyakit yang optimal.

Hal ini berlaku ketika saidina Umar al-Khattab (r.a.) mengadakan syura bersama dengan para sahabat (r.a.) yang lain sama ada untuk meneruskan perjalanan ke Syam yang sedang dilanda wabak taun 'Amwas atau berpatah balik ke Madinah. Peristiwa ini telah diceritakan oleh Ibnu Abbas (r.a.):

عن ابن عباس رضي الله عنهما: أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ - رضي الله عنه - خرج إلى الشَّامِ حَتَّى إِذَا كَانَ بِسَرِغَ لَقِيَهُ أُمَرَاءُ الْأَجْنَادِ - أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ وَأَصْحَابُهُ - فَأَخْبَرُوهُ أَنَّ الْوَبَاءَ قَدْ وَقَعَ بِالشَّامِ. قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: فَقَالَ لِي عُمَرُ: ادْعُ لِي الْمُهَاجِرِينَ الْأَوَّلِينَ، فَدَعَوْتُهُمْ فَاسْتَشَارْتَهُمْ وَأَخْبَرْتُهُمْ أَنَّ الْوَبَاءَ قَدْ وَقَعَ بِالشَّامِ، فَاخْتَلَفُوا، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: خَرَجْتَ لِأَمْرٍ، وَلَا نَرَى أَنْ تَرْجِعَ عَنْهُ. وَقَالَ بَعْضُهُمْ: مَعَكَ بَقِيَّةُ النَّاسِ وَأَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَلَا نَرَى أَنْ تُقَدِّمَهُمْ عَلَى هَذَا الْوَبَاءِ. فَقَالَ: ارْتَفِعُوا عَنِّي. ثُمَّ قَالَ: ادْعُ لِي الْأَنْصَارِ، فَدَعَوْتُهُمْ، فَاسْتَشَارْتَهُمْ، فَسَلَكُوا سَبِيلَ الْمُهَاجِرِينَ، وَاخْتَلَفُوا كَاخْتِلَافِهِمْ، فَقَالَ: ارْتَفِعُوا عَنِّي. ثُمَّ قَالَ: ادْعُ لِي مَنْ كَانَ هَاهُنَا مِنْ مَشِيخَةٍ فُرِيضٍ مِنْ مُهَاجِرَةِ الْفَتْحِ، فَدَعَوْتُهُمْ، فَلَمْ يَخْتَلِفْ عَلَيْهِ مِنْهُمْ رَجُلَانِ، فَقَالُوا: نَرَى أَنْ تَرْجِعَ بِالنَّاسِ، وَلَا تُقَدِّمَهُمْ عَلَى هَذَا الْوَبَاءِ، فَنَادَى عُمَرُ - رضي الله عنه - فِي النَّاسِ: إِنِّي مُصَبِّحٌ عَلَى ظَهْرٍ، فَأَصْبِحُوا عَلَيْهِ، فَقَالَ أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ - رضي الله عنه: أَفِرَارًا مِنْ قَدَرِ اللَّهِ؟ فَقَالَ عُمَرُ - رضي الله عنه: لَوْ غَيْرَكَ قَالَهَا يَا أبا عُبَيْدَةَ! - وَكَانَ عُمَرُ يَكْرَهُ خِلَافَتَهُ - نَعَمْ، نَفَرْتُ مِنْ قَدَرِ اللَّهِ إِلَى قَدَرِ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ لَكَ إِبِلٌ، فَهَبَطْتَ وَادِيًا لَهُ عُذْوَتَانِ، إِحْدَاهُمَا خَصْبَةٌ، وَالْأُخْرَى جَدْبَةٌ، أَلَيْسَ إِنْ رَعَيْتَ الْخَصْبَةَ رَعَيْتَهَا بِقَدَرِ اللَّهِ، وَإِنْ رَعَيْتَ الْجَدْبَةَ رَعَيْتَهَا بِقَدَرِ اللَّهِ؟ قَالَ: فَجَاءَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ - رضي الله عنه - وَكَانَ مُتَعَبِيًّا فِي بَعْضِ حَاجَتِهِ، فَقَالَ: إِنَّ عِنْدِي مِنْ هَذَا عِلْمًا، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ: «إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تُقَدِّمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ» فَحَمِدَ اللَّهُ تَعَالَى عُمَرَ - رضي الله عنه - وَانصَرَفَ

Maksudnya: Dari Ibnu Abbas (r.a.) bahwasanya Umar bin al-Khattab (r.a.) keluar menuju ke Syam. Ketika sampai di Saragh,¹⁷⁹ para panglima tentera; Abu 'Ubaidah ibn al-Jarrah dan para sahabatnya segera menemuinya lalu mereka memberikan khabar bahawa sejenis wabak penyakit sedang menjangkiti negeri Syam. Ibnu Abbas (r.a.) berkata: "Maka Umar (r.a.) berkata kepadaku: "Panggilkan kemari para sahabat muhajirin yang pertama!" Aku pun segera memanggil mereka, lalu Umar (r.a.) mengadakan syura dengan mereka dan menceritakan bahawa negeri Syam kini sedang dijangkiti wabak penyakit. Mereka pun

¹⁷⁹ Tempat persinggahan bagi orang Syam yang hendak ke Madinah yang berjarak 13 marhalah dari Madinah (al-Bughā, al-Khin, al-Sharbajī, Mistu, & Lutfi, 2014; Ibnu 'Ilān, 2019).

berselisih pendapat. Sebahagian mereka berkata: "Kamu keluar dengan satu tujuan, maka menurut kami tidak ada alasan untuk membatalkan perjalanan ini." Sebahagian mereka berkata: "Mereka yang menyertai kamu adalah saki baki sahabat Rasulullah (s.a.w.). Menurut kami, sebaiknya kamu tidak perlu membawa mereka ke dalam kebinasaan." Umar (r.a.) berkata: "Baiklah, pergi kalian!" Kemudian beliau berkata kepadaku: "Panggilkan para sahabat Ansar datang kemari!" Aku pun memanggil mereka, lalu Umar (r.a.) mengadakan syura dengan mereka, dan mereka pun mengemukakan cadangan seperti yang dilakukan oleh kaum Muhajirin. Mereka berselisih pendapat sebagaimana kaum Muhajirin berselisih pendapat, lalu Umar (r.a.) berkata: "Baiklah, pergilah kalian!" Kemudian Umar (r.a.) berkata kepadaku: "Panggilkan kemari, jika ada, tokoh suku Quraisy yang hijrah ketika pembebasan kota Mekah!" Maka aku memanggil mereka, dan ternyata mereka semua mengemukakan satu pendapat dengan berkata: "Menurut kami, lebih baik anda membawa kembali pulang rombongan ini, dan tidak perlu membawa mereka ke dalam kebinasaan wabak itu." Umar (r.a.) kemudian segera mengeluarkan pengumuman di tengah-tengah mereka: "Sesungguhnya aku esok pagi akan kembali pulang. Jadi hendaklah kalian kembali pulang bersamaku!" Mendengar itu, Abu 'Ubaidah (r.a.) bertanya: "Adakah tindakan kamu ini kerana lari dari takdir Allah?!" Umar (r.a.) menjawab: "Andaikan bukan kamu yang menanyakannya, wahai Abu 'Ubaidah! – Umar (r.a.) tidak suka berselisih dengannya – "Ya, benar! Kita lari daripada takdir Allah, menuju takdir Allah." Katakan kepadaku! Jika kamu mempunyai unta, kemudian ia turut ke sebuah lembah yang mempunyai dua sisi (pinggiran); salah satunya subur, dan yang lain tandus, bukankah jika kamu mengembalakkannya di pinggiran yang subur, hal itu kamu lakukan dengan takdir Allah? Dan sebaliknya jika kamu bawa ke pinggiran yang tandus, bukankah kamu lakukan itu dengan takdir Allah?" Ibnu Abbas (r.a.) berkata: "Kemudian Abdul Rahman bin 'Auf (r.a.) datang – sebelum ini beliau tiada di sana kerana ada satu urusan – lalu berkata: "Aku tahu masalah ini. Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda: "Jika kalian mendengar bahawa suatu negeri telah mengalami penyakit berjangkit, maka janganlah kalian mendatangnya, dan jika wabak itu menjangkit di tempat yang kalian berada di dalamnya, maka janganlah kalian keluar daripadanya kerana hendak melarikan diri daripadanya." Maka Umar (r.a.) memuji Allah dan terus pergi pulang menuju ke Madinah. [HR: al-Bukhari, no. 5729; dan Muslim, no. 2219 dan 98]

Kisah ini mengandungi hukum larangan untuk memasuki ke kawasan terjadinya wabak dan melarang mereka keluar dari kawasan terjadinya penyakit tersebut untuk melarikan diri (al-Bughā et al., 2014; Ibnu 'Ilān, 2019). Adapun sekiranya seseorang keluar kerana suatu sebab atau urusan mustahak, maka ianya dibenarkan. Ini adalah mazhab Syafie dan juga mazhab jumhur ulama (al-Nawāwī, 1972). Larangan bagi kedua-dua keadaan ini mempunyai beberapa hikmah. Hikmah Rasulullah (s.a.w.) melarang umatnya dari memasuki kawasan berwabak adalah bagi menjauhkan sebab-sebab yang menjerumuskan diri mereka ke dalam kebinasaan (al-Nawāwī, 1972). Hal ini jelas dilarang oleh Allah menerusi firman-Nya pada ayat 195, Surah al-Baqarah:

﴿وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Maksudnya: "dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahawa kebinasaan"

Selain itu, ianya juga bertujuan agar mereka tidak berada berdekatan dengan pesakit-pesakit yang berpotensi untuk menjangkiti mereka dan menyebabkan penyakit tersebut menular (Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, 1994). Walhal hikmah larangan keluar daripada kawasan berwabak pula merujuk kepada mendorong jiwa manusia untuk percaya kepada Allah, bertawakal kepada-Nya, tabah menghadapi takdir-

Nya. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk perbanyakkan berehat dan mengurangkan aktiviti harian agar keadaan fizikal dan mental pesakit dapat kembali stabil (Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, 1994).

ii) Pelaksanaan kuarantin

Terdapat sebuah hadis diriwayatkan oleh saidatina Aisyah (r.a.)

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّهَا قَالَتْ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الطَّاعُونَ؟ فَأَخْبَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَنَّهُ كَانَ عَذَابًا يَبْعَثُهُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ، فَجَعَلَهُ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ، فَلَيْسَ مِنْ رَجُلٍ يَقَعُ الطَّاعُونَ، فَيَمْكُثُ فِي بَيْتِهِ صَابِرًا مُحْتَسِبًا يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا يُصِيبُهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ الشَّهِيدِ»

Maksudnya: “*Daripada ‘Aisyah, bahawasanya beliau berkata: “Aku bertanya kepada Rasulullah (s.a.w.) mengenai (penyakit) taun?” Baginda memberitahu kepadaku: “Sesungguhnya ia merupakan azab yang Allah hantar kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah menjadikannya rahmat kepada orang-orang yang beriman. Tiada seorang pun yang berlaku taun (di tempatnya), lalu dia kekal berada dalam rumahnya¹⁸⁰ dalam keadaan sabar serta mengharapkan (pahala atau kesembuhan dari Allah) dengan dia percaya bahawa tidak menimpanya melainkan apa yang Allah tetapkan untuknya, maka baginya seperti pahala seorang syahid”.* [HR: Ahmad, hadis no. 26139; Syuaib al-Arnauth dan Adil Murshid menghukumkan isnad hadis ini sebagai sahih yang menepati syarat Imam al-Bukhari]

Hadis ini secara tersurat dan tersirat menyatakan bahawa pahala orang syahid akan diberikan kepada sesiapa yang kekal berada di tempat tinggalnya serta tidak keluar dari negerinya yang sedang dilanda wabak taun (al-Qastallānī, 1996; Badr al-Din al-‘Ayni, 2001). Tambahan lagi, Abidin (2020) menyatakan bahawa para ulama dahulu ketika membahaskan hadis ini banyak tertumpu kepada bab keredhaan menerima ujian Allah dan sabar. Mereka tidak menumpukan kepada alasan mengapa Nabi (s.a.w.) mengeluarkan arahan supaya kekal berada di dalam tempat tinggal atau tidak keluar dari negeri sewaktu dilanda wabak taun. Mungkin antara sebabnya, perkembangan ilmu perubatan semasa itu belum seperti di zaman ini. Selain itu, ketika wabak taun ‘Amwas menular di Syam, ramai sahabat Rasulullah (s.a.w.) yang terkorban termasuklah Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah (r.a.), kemudian Muaz ibn Jabal (r.a.) dan puteranya Abdul Rahman ibn Muaz (al-Haithami, 1994; Ibnu al-Jawzī, 1992; Ibnu Kathir, 1997). Setelah kewafatan Muaz ibn Jabal (r.a.), ‘Amru ibn al-‘As (r.a.) menggantikan tempatnya. Pada ketika itu, wabak taun masih menular dan beliau memberikan arahan:

أَيُّهَا النَّاسُ! إِنَّ هَذَا الْوَجَعَ إِذَا وَقَعَ فَأَيُّمَا يَشْتَعِلُ اشْتَعَالَ النَّارِ، فَتَجَبَّلُوا مِنْهُ فِي الْجِبَالِ

Maksudnya: “*Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya penyakit ini apabila melanda, maka ia akan merebak seperti merebaknya api. Oleh itu, pergilah kalian ke gunung-gunung (untuk melarikan diri) darinya.*”

○ Akan tetapi, arahan ini ditentang oleh sebahagian sahabat baginda (s.a.w.) termasuklah Abu Wa’ilah al-Huzalli (al-Haithami, 1994; Ibnu al-Jawzī, 1992; Ibnu Kathir, 1997). Sungguhpun demikian,

¹⁸⁰ Merujuk kepada rekod hadis yang dilaporkan oleh al-Bukhari di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis nombor 3474 dan 5734, terdapat redaksi lain yang digunakan dalam hadis ini iaitu *يَمْكُثُ فِي بَلَدِهِ* yang bermaksud “lalu dia kekal di dalam negerinya”.

‘Amru ibn al-‘As (r.a.) dan sebahagian masyarakat Syam keluar dari kawasan tersebut dan berkuarantin di kawasan pergunungan sehingga taun hilang. Setelah itu, saidina Umar al-Khattab (r.a.) yang merupakan khalifah pada waktu itu mendapat makluman tentang tindakan ‘Amru ibn al-‘As (r.a.) ini, akan tetapi, beliau tidak menyalahkannya atau menegah tindakanya (al-Haithami, 1994; Ibnu al-Jawzī, 1992; Ibnu Kathir, 1997).

iii) Larangan berkumpul untuk berdoa secara berjemaah

Terdapat satu amalan yang pernah dilakukan oleh masyarakat terdahulu dalam suasana penularan wabak taun iaitu berdoa secara berjemaah untuk menghilangkan wabak taun. Aktiviti keagamaan ini pernah dilaksanakan sewaktu penularan wabak *Taun al-‘Ām @ al-Kabīr* pada tahun 749H/1348M di negara-negara Islam. Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) menghukumkan amalan ini sebagai bid’ah:

وَأَمَّا الْجَمَاعَةُ لَهُ، كَمَا فِي الْإِسْتِسْقَاءِ، فَبِدْعَةٌ حَدَّثَتْ فِي الطَّاعُونَ الْكَبِيرِ سَنَةَ تِسْعَةِ وَأَرْبَعِينَ وَسَبْعَ مِائَةٍ
بِدْمَشَقْ

Maksudnya: *Adapun berkenaan dengan tindakan berdoa secara berjemaah untuk memohon dihilangkan wabak taun, dengan cara seperti yang dilakukan pada solat Istisqa’ (Solat meminta hujan), itu adalah bid’ah sepertimana yang pernah dilakukan pada peristiwa al-ṭā’ūn al-kabīr yang berlaku pada tahun 749H/1348M di Damsyik (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t., p. 328).*

Tambahan lagi, al-Manbaji turut menolak anjuran dibuat oleh ulama yang mengumpulkan masyarakat di satu tempat, lalu mereka berdoa dengan suara yang kuat (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t.). Hal ini terjadi pada tahun 764H/1363M ketika berlakunya wabak taun ‘Amwas di Damsyik. Pada tahun 49H/669M, perkara yang sama juga pernah berlaku di mana masyarakat setempat berserta para pembesar negeri keluar ke padang pasir, lalu berdoa dan melakukan *istighasah*. Malangnya, setelah amalan ini dilakukan, wabak taun di sana semakin parah (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t.). Walhal, sebelum mereka melakukan amalan tersebut, taun di sana tidak terlalu parah. Tambahan lagi, perkara yang sama juga diamalkan oleh masyarakat Kaherah pada 4 Jamadil Ula 833H (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t.). Mereka berkumpul untuk berdoa di satu tempat selama beberapa ketika, kemudian pulang ke rumah masing-masing. Pada waktu itu, taun pertama sedang melanda Kaherah bermula pada 27 Rabi’ul Akhir 833H dan jumlah korban taun pada waktu itu tidak lebih daripada 40 orang. Ternyata hanya dalam waktu sebulan setelah amalan itu dilakukan, korban taun setiap hari di Kaherah menjadi lebih daripada 1000 orang dan terus bertambah (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t.).

Beberapa fatwa telah diberikan dalam menjawab isu berdoa secara berjemaah di satu tempat dalam suasana wabak. Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) menceritakan bahawa sebahagian ulama berfatwa bahawa amalan tersebut disyariatkan untuk dilakukan. Mereka melandaskan fatwa mereka pada dalil-dalil perintah berdoa yang bersifat umum. Sementara itu, sebahagian ulama lagi berfatwa bahawa amalan ini lebih baik tidak dilakukan kerana dikhuwatiri akan berlakunya fitnah terhadap agama Islam. Dalam hal ini, Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) menyatakan bahawa pendapat kedua lebih tepat dan jelas dalam suasana wabak. Beliau berkata:

ونحوت هذا النحو في جوابي، وأضفت إلى ذلك: أنه لو كان مشروعاً، ما خفي على السلف ثم على
فقهاء الأمصار وأتباعهم، في الأعصار الماضية. فلم يبلغنا في ذلك خبر ولا أثر عن المحدثين، ولا فرع
مستور عن أحد من الفقهاء.

Maksudnya: *Saya memilih ini sebagai jawapan saya. Dan saya juga menambah: Seandainya berdoa memohon dihilangkan taun secara bersama-sama di satu tempat adalah sesuatu yang*

memang disyariatkan, sudah tentu hal ini akan diketahui oleh para ulama salaf dan para fuqaha di seluruh negeri Islam beserta para pengikut mereka di masa lampau. Akan tetapi, ternyata perkara ini tidak pernah sampai kepada kita walau satu riwayat pun baik berupa hadis mahupun atsar dari para perawi hadis yang menyatakan hal seperti itu. Begitu juga tidak pernah ada satu pun tulisan dari para fuqaha yang menyebutkan tentang hal itu (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t., p. 330).

Jelas dini bahawa perbuatan yang dihukumkan bid'ah adalah perbuatan berkumpul beramai-ramai di suatu tempat dalam suasana wabak untuk berdoa secara berjemaah. Adapun amalan berdoa dan memohon kepada Allah agar wabak segera diangkat dan dilenyapkan adalah perkara yang disyariatkan. Bahkan Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) telah mencadangkan agar berdoa dengan membacakan doa Nabi Adam (a.s.) di mana Allah kemudian menerima taubatnya dan merahmatinya, sepertimana yang termaktub di dalam Surah al-A'raf, ayat 23:

﴿رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

Maksudnya: “Wahai Tuhai kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi.”

Ini menunjukkan bahawa berdoa agar wabak penyakit dihilangkan adalah suatu perkara yang disyariatkan. Sebaliknya, berkumpul beramai-ramai di kawasan terbuka dalam suasana wabak untuk berdoa berjemaah adalah perkara yang ditegah malah dihukumkan sebagai bid'ah.

iv) Larangan menziarahi mangsa korban taun

Apabila taun menular, pada kebiasaannya para doktor akan memperingatkan pada masyarakat setempat agar tidak berbaur dengan para mangsa korban taun. Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) ada membawakan kenyataan Tajuddin al-Subki seperti berikut:

قال القاضي تاج الدين: قد رأينا العامة تمتنع من ذلك، حتى تركوا عيادة المطعون. والذي نقوله في ذلك: إن شهد طبيبان عارفاً مسلماً عدلان أن ذلك سبب في أذى المخالط، فالامتناع من مخالطته جائز، أو أبلغ من ذلك.

Maksudnya: *Qadhi Tajuddin al-Subki berkata: Kami melihat masyarakat umum enggan mendekati para mangsa korban taun, sehinggakan mereka menolak untuk menziarahi pesakit-pesakit yang menghidapi penyakit taun. Dalam hal ini, kami mengatakan bahawa apabila terdapat dua orang doktor Muslim yang adil dan menguasai ilmu perubatan bersaksi bahawa terjadinya suatu taun adalah disebabkan oleh pergaulan antara orang sakit dengan orang sihat, maka larangan pergaulan itu boleh diterapkan (adalah diharuskan), atau bahkan lebih keras dari itu (sampai ke tahap diwajibkan).* (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t., p. 341)”

Akan tetapi, Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) tidak bersetuju dengan kenyataan Tajuddin al-Subki ini atas alasan bahawa pengamatan pakar perubatan itu dibuat berdasarkan kepada sangkaan mereka semata-mata. Tambahan lagi, beliau juga berhujah bahawa ketika kerap berlakunya taun di Mesir dan Syam, majoriti mereka yang berbaur dengan mangsa korban taun pada waktu itu tidak terkena taun.

Penyelidik, dalam hal ini, bersetuju dengan kenyataan Tajuddin al-Subki. Adapun mengenai penolakan Ibnu Hajar al-‘Asqalani beserta alasannya dan hujahnya, penyelidik beranggapan ianya sudah tidak relevan kerana kemajuan dalam bidang perubatan pada zaman sekarang. Hasil kajian daripada pakar perubatan akan dapat membuktikan sama ada sesuatu penyakit itu boleh berjangkit atau sebaliknya.

v) **Penyakit taun termasuk dalam kategori *marad al-makhūf*.**

Penyakit kategori *marad al-makhūf* ialah penyakit yang pada kebiasaannya membahayakan nyawa dan ianya membawa kepada kematian, sama ada kematiannya disebabkan oleh penyakit tersebut atau disebabkan oleh perkara-perkara lain yang tiada kaitan dengan penyakit itu seperti terbunuh, lemas, atau terbakar (al-Nawawī, 1991; Shamsuddin al-Ramli, 1994; Shihabuddin al-Ramli, 2009; Sulaiman al-Jamal, 2006). Ianya juga dinamakan sebagai *marad al-maut*. Penyakit taun dikategorikan sebagai *marad al-makhūf* (al-Baghawī, 1997; al-‘Imrānī, 2000). Oleh itu, sesiapa yang menghidapi penyakit ini termasuk dalam golongan *makhūf* dan hukum-hakam berkaitan *marad al-maut* akan terpakai ke atasnya seperti hibah, waqaf, wasiat, pewarisan, dan talak.

Seterusnya, terdapat perbezaan pendapat dalam mazhab Syafie terhadap status individu yang tidak dijangkiti penyakit taun tetapi berada di dalam negeri yang sedang dilanda taun, adakah beliau tergolong dalam kalangan *makhūf* atau sebaliknya (al-Baghawī, 1997; al-Isnāwī, 2009). Pendapat yang paling tepat di antara keduanya ialah individu terbabit adalah dalam kalangan *makhūf* sepertimana yang ditarjihkan oleh al-Baghawī (1997), al-Rāfi‘ī (1997), al-Nawawī (1991), dan al-Isnāwī (2009). Hal ini juga bertepatan dengan perkataan Imam al-Shāfi‘ī yang menyatakan bahawa sesiapa yang berada dalam kawasan yang dilanda taun adalah *makhūf* sehinggalah dia keluar dari kawasan tersebut (al-Muzani, 1998; al-Shāfi‘ī, 2001).

Tambahan lagi, Ibnu Hajar al-‘Asqalani (t.t.) telah menukulkan perincian yang dibuat oleh Badruddin al-Zarkashi berkenaan isu khilaf di atas seperti berikut:

وحاول الزركشي تنزيل الوجهين على حالين؛ فالقول بأنه مخوف عند ظهوره في الحالة التي يقع فيها فاشيا جدا؛ بحيث يقيم الأيام اليسيرة، فيذهب أكثر أهل البلد، حتى يجيف الموتى في بيوتهم، وتغلق عليهم أبوابها لعدم من يتفرغ لدفنهم، كما حكي عن طاعون الجارف. والقول بأنه غير مخوف إلا في حق من نزل به، حيث يقع ويفشو، لكن يقع الموت فيه التدريج، ويمتد زمانه، كما وقع كثيرا في الأزمان المتأخرة.

Maksudnya: *al-Zarkashi berusaha untuk menempatkan dua pendapat ini pada dua keadaan. Taun dikatakan makhūf ketika muncul dalam keadaan penyeberan yang pesat, di mana dalam beberapa hari sahaja, banyak penduduk meninggal akibatnya, sehinggakan banyak manyat membusuk di rumah masing-masing dan pintu rumah ditutup kerana tiada orang yang mengebumikan mereka, sepertimana yang terjadi ketika Taun al-Jārif. Kemudian, taun itu dikatakan tidak makhūf kecuali pada mereka yang menghidapinya, di mana penyakit itu muncul dan menyebar, tetapi kematian berlaku secara berperingkat dalam waktu yang lama, seperti yang kerap terjadi pada masa kebelakangan ini (Ibnu Hajar al-‘Asqalani, t.t., p. 337).*

Penyelidik mendapati bahawa perincian yang dibuat oleh Badruddin al-Zarkashi adalah berpandukan kepada ukuran jumlah dan kekerapan berlakunya kematian akibat daripada penularan sesuatu wabak. Sekiranya jumlah kematiannya adalah masif dalam masa yang singkat, maka inya adalah *makhūf*, sebaliknya jika kematian yang berlaku adalah secara berperingkat, maka ianya bukanlah *makhūf*. Maka status individu yang tidak dijangkiti tetapi berada dalam kawasan yang sedang dilanda wabak adalah bergantung kepada ukuran jumlah dan kekerapan berlakunya kematian di kawasan tersebut.

Akan tetapi, penyelidik berpendapat bahawa dalam konteks zaman sekarang, penentuan sama ada sesuatu wabak penyakit itu *marad al-makhūf* atau sebaliknya sewajarnya dibuat oleh pakar dalam bidang perubatan. Hal ini seperti mana yang dinyatakan oleh al-Baghawī (1997) dan al-‘Imrānī (2000). Mereka menerangkan kaedah bagi menentukan sama ada sesuatu penyakit itu dikategorikan sebagai *marad al-*

makhūf atau sebaliknya, hendaklah ditentukan oleh sekurang-kurangnya dua doktor Muslim yang adil dan menguasai ilmu perubatan. Sekiranya mereka mengesahkan bahawa penyakit tersebut adalah *marad al-makhūf*, maka ianya disabitkan sebagai *marad al-makhūf*, dan begitu juga jika sebaliknya. Hal ini juga turut dinyatakan oleh Imam al-Shafi'i dalam pendapatnya (al-Muzani, 1998; al-Shāfi'i, 2001).

c) Hubungan antara *istintāj* dengan konsep maqasid syariah

Pada dasarnya, matlamat pensyarian atau penetapan sesuatu hukum adalah untuk menjamin semua masalah, baik ianya kecil atau besar; mencegah semua mafsadah, baik ianya kecil atau besar (al-Āmidī, 2003; Ibnu Abdul Salam, 2020). Oleh itu, umat manusia tidak akan mendapati pada mana-mana perintah dan larangan daripada Allah (s.w.t.) dan Rasul-Nya (s.a.w.) kecuali bahawa ia sama ada menjamin *maslahah*, segera, tertunda, atau kedua-duanya; atau mencegah *mafsadah*, segera, tertunda, atau kedua-duanya (Ibnu Abdul Salam, 2020).

Maslahah, sepertimana yang didefinisikan oleh al-Ghazālī (2015) dan al-Būfī (1973), merujuk kepada suatu pernyataan terhadap pencapaian manfaat dan penolakan kemudaratan. Akan tetapi, yang dimaksudkan bukanlah demi memenuhi kehendak dan tujuan manusia, sebaliknya memelihara matlamat-matlamat Syarak (maqasid syariah) dalam menjaga agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Sementara itu, *mafsadah* pula merujuk kepada segala perkara yang meluputkan matlamat-matlamat Syarak tersebut sama ada secara keseluruhan mahupun sebahagian (al-Ghazālī, 2015; Ibnu 'Āshūr, 2012). Prinsip masalah dan mafsadah ini menjadi nadi kepada konsep maqasid syariah sepertimana yang dinyatakan oleh Ibnu 'Āshūr (2012), al-Yūbī (2012), dan al-Fāsī (2013). Mereka mentakrifkan maqasid syariah sebagai matlamat atau objektif disyariatkan sesuatu hukum untuk memenuhi kemaslahatan manusia.

Penyelidik mendapati wujudnya hubungan rapat antara beberapa hukum-hakam fiqh yang telah disimpulkan (*istintāj al-hukm*) berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa penularan wabak taun dengan konsep maqasid syariah dalam memenuhi kemaslahatan serta menghindari umat manusia daripada sebarang kemudaratan. Hubungan ini dapat dizahirkan menerusi beberapa penjagaan *darūriyyah khams* seperti penjagaan terhadap kesucian agama Islam. Perkara ini berlaku apabila para ulama menegah amalan berkumpul beramai-ramai di suatu kawasan terbuka dalam suasana wabak untuk berdoa secara berjemaah. Amalan ini ditegah kerana ianya membawa kepada kemudaratan terhadap umat manusia kerana setelah beberapa ketika amalan itu dilakukan, jumlah korban taun di kawasan tersebut meningkat dengan mendadak. Tambahan lagi, amalan ini juga boleh mendatangkan fitnah terhadap kesucian agama Islam apabila umat manusia mempertikai jawapan Allah (s.w.t.) terhadap doa-doa mereka dengan menimpakan mereka azab taun dan mengakibatkan pertambahan jumlah korban taun, dan mereka juga mula meragui pensyarian berdoa ketika sedang diuji dengan musibah atau bencana. Walhal berdoa ketika dilanda musibah itu sememangnya disyariatkan, akan tetapi, perlaksanaannya dengan cara berkumpul beramai-ramai di kawasan terbuka dalam suasana wabak itulah yang ditegah malah dihukumkan sebagai bid'ah. Seterusnya, penjagaan terhadap diri dan nyawa juga turut menjadi perhatian Syarak. Hal ditunjukkan menerusi larangan keluar dan masuk kawasan berwabak, seruan menjalankan kuarantin, larangan menziarahi mangsa korban taun, dan juga pengklasifikasian taun sebagai *marad al-makhūf*. Perkara-perkara ini dengan jelas ditetapkan untuk menjaga kemaslahatan manusia terhadap nyawa dan diri mereka. Islam dengan jelas melarang umatnya daripada mencampakkan diri ke dalam perkara-perkara yang mendatangkan kebinasaan, dan dalam masa yang sama juga melarang mendatangkan kemudaratan terhadap diri sendiri dan orang lain. Hal ini berdasarkan kepada firman-Nya pada ayat 195, Surah al-Baqarah:

﴿وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Maksudnya: “dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahawa kebinasaan”

Tambahan lagi, sebahagian besar daripada *istintāj al-hukm* yang dibincangkan ini telah pun dilaksanakan oleh *Ulil Amri* di Malaysia. Hal ini dilaksanakan menerusi sejumlah prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) di sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuklah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Keputusan untuk melaksanakan PKP di seluruh negara ini dibuat dengan tujuan untuk mengurangkan kadar penyebaran COVID-19 yang cepat di Malaysia (Elengoe, 2020; Khor, Arunasalam, Azli, Khairul-Asri, & Fahmy, 2020; Shah et al., 2020). Pelanggaran SOP sepanjang PKP dikenakan denda berjumlah RM1000 dan penjara maksimum 6 bulan (Tang, 2020). Tindakan mereka ini selari dengan kehendak hukum Syarak menerusi sebuah hadis sahih yang masyhur diriwayatkan oleh Ibnu Umar (r.a.), yang bermaksud:

عن ابن عمر رضي الله عنهما، قَالَ: سمعت رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ: الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ». مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

Daripada Ibnu Umar (r.a.), beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda: “Setiap orang adalah pemimpin dan akan diminta pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Seorang pemerintah negara adalah pemimpin atas rakyatnya dan akan diminta pertanggungjawaban perihal rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami adalah pemimpin atas anggota keluarganya dan akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri adalah pemimpin atas rumah tangga dan anak-anaknya dan akan ditanya perihal tanggung jawabnya. Seorang pembantu/pekerja rumah tangga adalah bertugas memelihara barang milik majikannya dan akan ditanya atas pertanggungjawabannya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya (diminta pertanggungjawaban) darihal hal yang dipimpinnya”. (Muttafaq ‘alaih) [HR: al-Bukhari (5200) dan Muslim (1829, 20)]

Hadis ini merujuk kepada setiap orang mempunyai kewajiban menjaga dan melaksanakan amanah dan kepercayaan yang telah diberikan (al-Nawāwī, 1972; al-Suyūfī, 1996a). Bagi konteks *Ulil Amri*, Mullā ‘Ali al-Qārī (2002) dan M. A. R. T. A. al-Munāwī (1988) menyatakan bahawa amanah yang diberikan kepada mereka adalah berupa rakyat dan perihalnya serta segala haknya adalah dibawah tanggungjawab *Ulil Amri*. Setiap amanah, kepercayaan, dan tanggungjawab yang dipikul ini hendaklah dilaksanakan dengan adil dan menjaga masalah tanggungannya dari segi duniawi dan ukhrawi, bahkan kesemua tanggungan ini akan disemak dan dinilai semula diakhirat sama ada orang yang diamanahkan ini berjaya atau gagal melaksanakan segala bebanan yang diberikan (M. A. R. T. al-Munāwī, 1937).

Selain itu, terdapat juga suatu kaedah fiqh khusus berkaitan dengan tanggungjawab pemerintah, demi menjaga kemaslahatan umum berdasarkan kepada kaedah fiqh:

التَّصَرُّفُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

“Tindakan (arahan pemerintah) terhadap rakyatnya adalah berdasarkan kepada kepentingan umum.” (al-Suyūfī, 2013a; Syubair, 2007)

Penjelasan kepada kaedah ini ialah tindakan pemerintah dan setiap orang yang menjaga sesuatu urusan umat Islam mestilah berdasarkan, berkaitan, dan bertujuan untuk menjaga kemaslahatan mereka,

iaitu kepentingan mereka yang berada di bawah kendalian mereka. Asas tanggungjawab ini ialah kerana pemerintah memiliki wilayah (kuasa) atau akauntabiliti (*hak al-ri'ayah*) keatas rakyatnya dalam urusan-urusan umum. Justeru, tindakannya hendaklah berdasarkan kepada kemaslahatan dan kebaikan kepada rakyat (Zaydān, 2015). Dalam konteks ini, kemaslahatan tersebut perlulah sesuatu yang sesuai dengan maqasid syarak dan bukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah (al-Burnu, 2002). Dengan kata lain segala tindakan, perintah, larangan dan polisi yang dikeluarkan perlulah dalam konteks menjaga kemaslahatan rakyat.

Kesimpulan

Sejarah adalah catatan peristiwa masa lalu yang memberikan pelbagai pengajaran. Dalam Islam, sejarah adalah sumber ilmu pengetahuan yang ketiga selepas al-Quran dan Sunnah Rasul SAW. Berdasarkan kepada sejarah penularan wabak penyakit ini, pelbagai mutiara hukum yang dapat dikeluarkan. Antaranya ialah perlunya ada sekatan perjalanan, kuarantin, larangan berkumpul sekalipun untuk berdoa, larangan menziarahi pesakit dan lain-lain. Sebahagian umat Islam memandang sinis polisi kerajaan seperti ini, terutama pada waktu puncak covid 19. Mereka berpandangan, diwaktu kita ditimpa bala, maka diwaktu itulah kita perlu lebih hampir kepada Allah. Sejarah telah membetulkan pandangan ini. Larangan-larangan tersebut bukanlah bermaksud kita semakin jauh daripada Allah SWT, sebaliknya Allah SWT menuntut kita beribadah dengan ilmu dan menggunakan kaedah dan prinsip yang betul mengikut hukum syarak sebagaimana yang dilakukan oleh ulama silam. Justeru, berdasarkan kepada sejarah ini, kita mampu membina kaedah fiqh pendamik untuk masa akan datang.

Penghargaan

Penghargaan diberikan terhadap terhadap Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui skim Geran Penyelidikan USIM COVID-19, PPPI/COVID19_0120/FSU/051000/15820, bertajuk "Pembangunan Garis Panduan Penetapan Hukum Syarak Dari Aspek Muamalat Dalam Situasi COVID 19 Di Malaysia Berasaskan Maqasid Syariah". Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyelidik Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan penyelidik-penyelidik dalam projek penyelidikan ini.

Rujukan

- Abidin, M. A. Z. (2020). Memahami Hadis Pahala Syahid Duduk Di Rumah Semasa Wabak. Retrieved from Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis website: <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/285-memahami-hadis-pahala-syahid-duduk-di-rumah-semasa-wabak-2>
- Abu Na'im al-Asbahāni, A. A. (1974). *Hilyah al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'* (Vol. 10). Mesir: Maṭba'at al-Sa'ādāt.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Draf%20Muktamad%20-%20Akta%20342.pdf>, Akta 342 Stat. (1988).
- al-Āmidī, A. M. (2003). *al-Ihkām fī Uṣūl al-Ahkām* (A. R. Afifi Ed. 1 ed. Vol. 3). Riyad: Dar al-Ṣami'i.
- al-Baghawī, H. M. (1997). *al-Tahzīb fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (A. A. A. Mawjud & A. M. Mu'awwad Eds. 1 ed. Vol. 5). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Barakātī, M. A. A. I. (2003). *al-Ta'rifāt al-Fiqhīyyah* (1st ed.). Pakistan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Bughā, M., al-Khin, M., al-Sharbajī, A., Mistu, M., & Lutfī, M. A. (2014). *Nuzhat al-Muttaqīn Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn* (1 ed.). Damsyik: Muasasat al-Risalah Nasyirun.

- al-Burnu, M. S. A. (2002). *al-Wajīz fī Idāh Qawā'id al-Fiqh al-Kuliyyah*. (5th ed.). Beirut: Dar al-Risalah Al-'Alamiah.
- al-Būfī, M. S. R. (1973). *Dhawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (2 ed.). Beirut: Muasasat al-Risalah.
- al-Fāsī, A. (2013). *Maqāsid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā* (I. Al-Hasanī Ed. 2nd ed.). Cairo: Dar al-Salam.
- al-Firuzabadi, M. Y. (2005). *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (8th ed.). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Ghazālī, M. M. (2015). *al-Mustasfā min 'Ilmi al-Uṣūl* (M. S. al-Ashqar Ed. 1st ed. Vol. 1). Beirut: Mu'asasat al-Risalah Nasyirun.
- al-Haithami, A. A. B. (1994). *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id* (H. al-Qudsi Ed. Vol. 2). Kaherah: Maktabah al-Qudsi.
- al-'Imrānī, Y. A. a.-K. (2000). *al-Bayān fī Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Q. M. al-Nawri Ed. 1 ed. Vol. 8). Jeddah: Dar al-Minhaj.
- al-Isnāwī, A. R. A. H. (2009). *al-Muhimmāt fī Sharḥ al-Rawḍah wa al-Rāfi'ī* (A. A. al-Dimyati Ed. 1 ed. Vol. 6). Maghribi: Markaz al-Turath al-Thaqafī al-Maghribi.
- al-Jawharī, I. H. (1987). *al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabīyah* (A. A. G. Attar Ed. 4 ed. Vol. 3). Beirut: Dar al-Ilm lil Malayin.
- al-Munāwī, M. A. R. T. (1937). *Faydh al-Qaḍir bi-Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr* (1st ed. Vol. 5). Egypt: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- al-Munāwī, M. A. R. T. A. (1988). *al-Taysīr bi-Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr* (3rd ed. Vol. 2). Riyadh: Maktabah al-Imam al-Shafī'ī.
- al-Munāwī, M. A. R. T. A. (1990). *al-Tawqīf 'alā Muhimmāt al-Ta'ārīf* (1 ed.). Kaherah: Alim al-Kutub.
- al-Muzani, I. Y. (1998). *Mukhtasar al-Muzani fī Furū' al-Shāfi'īyyah* (M. A. Q. Syahin Ed. 1 ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Nawawī, Y. S. (1991). *Rawḍah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Muḥīṭīn* (Z. al-Shawish Ed. 3 ed. Vol. 6). Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Nawawī, Y. S. (1972). *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (2 ed. Vol. 1, 12, 14). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- al-Qastallānī, A. M. (1996). *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (M. A. A. al-Khalidi Ed. 1 ed. Vol. 7). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Rāfi'ī, A. K. M. (1997). *al-'Azīz Sharḥ al-Wajīz al-ma'rūf bi Sharḥ al-Kabīr* (A. M. 'Awd & A. A. A. Mawjud Eds. 1st ed. Vol. 7). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Rāzī, M. A. B. (1999). *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ* (Y. S. Muhammad Ed. 5th ed.). Beirut: Maktabah al-'Aṣriyyah al-Shāfi'ī, M. I. (2001). *al-Umm* (R. F. A. Mutalib Ed. 1 ed. Vol. 5). Iskandariah: Dar al-Wafa'.
- al-Suyūṭī, A. R. A. B. (1996a). *al-Dībāj 'ala Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hujjāj*. Al-Khubar: Dār Ibn 'Affān li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Suyūṭī, A. R. A. B. (1996b). *Mā Rawāhu al-Wā'ūn fī Akhbār al-Ṭā'ūn* (M. A. al-Baz Ed.). Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Suyūṭī, A. R. A. B. (2004). *Mu'jam Maqālīd al-'Ulūm fī al-Ḥudūd wa al-Rusūm* (M. I. Ubadah Ed. 1st ed.). Kaherah: Maktabah al-Ādāb.
- al-Suyūṭī, A. R. A. B. (2013a). *al-Ashbah wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū' al-Shāfi'īyyah* (M. M. Tahir & H. A. Hafiz Eds. 6 ed.). Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Suyūṭī, A. R. A. B. (2013b). *Tārīkh al-Khulafā'* (M. G. N. Azqul Ed. 2 ed.). Beirut: Dar al-Minhaj.
- al-Tahānawī, M. A. (1996). *Mausu'ah Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm* (A. Dahruj Ed. 1st ed. Vol. 2). Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun.
- al-Yāfi'ī, A. A. a. (1997). *Mir'āt al-Jinān wa 'Ibrah al-Yaqdhān fī mā Yu'tabar min Ḥawādith al-Zamān* (K. Mansur Ed. 1 ed. Vol. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Yūbi, S. a. A. M. u. (2012). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha bi al-Adillah al-Shari'ah*. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawzi.

- al-Zahabi, M. A. (1985). *al-‘Ibar fī Khabar Man Ghabar* (A. H. M. A. S. b. B. Zaghlul Ed. 1 ed. Vol. 4). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Zahabi, M. A. (1993). *Tārīkh al-Islām wa Wifayāt al-Mashāhir wa al-A‘lām* (U. A. S. al-Tadrimi Ed. 2 ed. Vol. 3). Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Badr al-Din al-‘Ayni, M. A. (2001). *‘Umdat al-Qārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (A. M. M. Omar Ed. 1 ed. Vol. 21). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Che Mohamad, C. A., Shahar, M. A., Md Tahir, M. F., & Syed Abd. Hamid, S. A. K. (2020). Muslims Responses to Pandemics: Lessons from the Best Generation. *IIUM Medical Journal Malaysia*, 19(20), 21-26. doi:doi.org/10.31436/imjm.v19i2.1609
- Conrad, L. I. (1982). Tā‘ūn and Wabā’ Conceptions of Plague and Pestilence in Early Islam. *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, 25(3), 268-307. doi:10.2307/3632188
- Dols, M. W. (1974). Plague in Early Islamic History. *Journal of the American Oriental Society*, 94(3), 371-383. doi:10.2307/600071
- Duncan, C. J., & Scott, S. (2005). What caused the Black Death? *Postgraduate Medical Journal*, 81(955), 315. doi:10.1136/pgmj.2004.024075
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong Public Health Res Perspect*, 11(3), 93-100. doi:10.24171/j.phrp.2020.11.3.08
- Fadhil, N. B. (2011). al-Tawā‘īn fī Ṣadr al-Islām wal-Khilāfah al-Umawiyah: Dirāsāt fī al-Maṣādir al-‘Arabiyah wal-Islāmiyyah. *Journal of Kirkuk University Humanity Studies*, 6(2), 97-113.
- Hayes, B. K., Navarro, D. J., Stephens, R. G., Ransom, K., & Dilevski, N. (2019). The diversity effect in inductive reasoning depends on sampling assumptions. *Psychonomic Bulletin & Review*, 26(3), 1043-1050.
- Ibnu Abdul Salam, A. A. A. S. (2020). *Qawā‘id al-Aḥkām fī Iṣlāḥ al-Anām* (N. K. Hammad & O. J. a. Damiriyah Eds. 6 ed. Vol. 1). Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ibnu Abi al-Dunya, A. M. (1993). *al-I‘tibār wa A‘qāb al-Surūr wa al-Aḥzān* (N. A. R. Khalaf Ed. 1 ed.). Oman: Dar al-Bashīr.
- Ibnu Abi ‘Āsim, A. A. (1991). *al-Āḥād wa al-Muthānī* (B. F. A. al-Juwabirah Ed. 1 ed. Vol. 1). Riyadh: Dar al-Rāyah.
- Ibnu al-Athir, A. M. (1997). *al-Kāmil fī al-Tārīkh* (U. A. S. Tadrimi Ed. 1 ed. Vol. 2). Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibnu al-‘Imād al-Hanbali, A. H. A. (1986). *Shazarāt al-Zahab fī Akhbār Man Zahab* (M. al-Arnauth & A. Q. al-Arnauth Eds. 1 ed. Vol. 1). Dimashq: Dar Ibnu Katsir.
- Ibnu al-Jawzī, A. R. A. (1992). *al-Muntazam Fī Tārīkh al-Muluk wa al-Umam* (M. A. Q. Atha & M. A. Q. Atha Eds. 1 ed. Vol. 4, 6). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibnu al-Nafīs, A. A. A. H. (2004). *al-Mūjaz fī al-Ṭib* (Y. Murad Ed. 1 ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibnu al-Wardī, U. M. (1996). *Tārīkh Ibnu al-Wardī* (1 ed. Vol. 2). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibnu ‘Āshūr, M. Ṭ. (2012). *Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (5th ed.). Cairo: Dal al-Salam.
- Ibnu Hajar al-‘Asqalani, A. A. (2013). *Fath al-Bārī bi-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (S. al-Arnauth, A. Murshid, A. Barhum, & S. al-Lahham Eds. 1st ed. Vol. 17). Damascus: al-Risalah al-‘Alimiah.
- Ibnu Hajar al-‘Asqalani, A. A. (t.t.). *Baṣṣat al-Mā‘ūn fī Faḍli al-Ṭā‘ūn* (A. A. A. Q. al-Katib Ed.). Riyadh: Dar al-Asimah.
- Ibnu ‘Ilān, M. A. M. ‘. (2019). *Dalīl al-Fāliḥīn li-Ṭarqi Riyād al-Ṣāliḥīn* (D. S. Yahya Ed. 1 ed. Vol. 5). Damsyik: Dar al-Faiya’.
- Ibnu Kathir, I. U. (1997). *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (A. A. M. al-Turki Ed. 1 ed. Vol. 10, 11, 18). Kaherah: Dar Hajr lil Tiba‘ah wa al-Tawzi’ wa al-I‘lan.
- Ibnu Manzur, M. M. (1992). *Lisān al-‘Arab* (3rd ed. Vol. 1). Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, M. A. B. (1994). *Zād al-Ma‘ād fī Hadyī Khayr al-‘Ibād* (27th ed. Vol. 4). Beirut: Mu‘asasat al-Risalah.
- Ibnu Qutaibah, A. M. (1992). *al-Ma‘ārif* (T. Akasyah Ed. 2 ed.). Kaherah: al-Hai‘ah al-Masriyyah al-‘Ammah lil Kitab.

- Ibnu Sinā, a.-H. A. (1999). *al-Qanūn fī al-Ṭīb* (M. A. al-Ḍannawī Ed. 1 ed. Vol. 3). Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyah.
- Julien, H. (2008). Content Analysis. In L. M. Given (Ed.), *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods* (Vol. 1, pp. 120-122). California: SAGE Publications, Inc.
- Khayyāt, K. (1977). *Tārīkh Khalīfah bin Khayyāt* (A. Ḍ. al-ʿUmāri Ed. 2 ed.). Riyadh: Dar Ṭaybah.
- Khor, V., Arunasalam, A., Azli, S., Khairul-Asri, M. G., & Fahmy, O. (2020). Experience from Malaysia During the COVID-19 Movement Control Order. *Urology*, *141*, 179-180. doi:<https://doi.org/10.1016/j.urology.2020.04.070>
- Kröger, J. (2011). CTESIPHON. In *Encyclopædia Iranica* (Vol. 4, pp. 446-448).
- Leavy, P. (2017). *Research Design: Quantitative, Qualitative, Mixed Methods, Arts-Based, and Community-Based Participatory Research Approaches*. New York: The Guilford Press.
- Liew, J., Grisham, J. R., & Hayes, B. K. (2018). Inductive and deductive reasoning in obsessive-compulsive disorder. *Journal of Behavior Therapy and Experimental Psychiatry*, *59*, 79-86.
- Mullā ʿAli al-Qārī, A. S. M. (2002). *Mirqāt al-Mafāṭīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ* (1st ed. Vol. 6). Beirut: Dar al-Fikr.
- Neely, A. H., & Ponshunmugam, A. (2019). A qualitative approach to examining health care access in rural South Africa. *Social Science and Medicine*, *230*, 214-221.
- Payne, G., & Payne, J. (2004). *Key Concepts in Social Research*. London: SAGE Publications Ltd.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2020). Disease outbreaks. Retrieved from https://www.who.int/environmental_health_emergencies/disease_outbreaks/en/
- Prior, L. F. (2008). Document Analysis. In L. M. Given (Ed.), *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods* (Vol. 1, pp. 230-231). California: SAGE Publications, Inc.
- Rusli, N. (2014). Hawar (Plague). Retrieved from Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia website: <http://www.myhealth.gov.my/hawar-plague/>
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., . . . Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, *97*, 108-116. doi:<https://doi.org/10.1016/j.ijid.2020.05.093>
- Shamsuddin al-Ramli, M. A. (1994). *Ghāyah al-Bayān Sharḥ Zubad Ibnu Ruslan* (A. A. S. Syahin Ed. 1 ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyah.
- Shihabuddin al-Ramli, A. A. (2009). *Faḥ al-Raḥman bi-Sharḥ Zubad Ibnu Ruslan* (S. Syaltut Ed. 1 ed.). Beirut: Dar al-Minhaj.
- Sibṭ ibn al-Jawzi, Y. K. (2013). *Mirʿat al-Zamān fī Tawārīkh al-ʿAyān* (M. Barakat, K. M. al-Kharat, U. Raihawi, M. R. Arqasusi, A. Talib, F. al-Maghribi, R. Mamu, M. M. Karimuddin, Z. Ishak, M. A. al-Khan, & I. Zaibaq Eds. 1 ed. Vol. 2). Dimashq: Dar al-Risalah al-ʿAlimiyah.
- Stenseth, N. C., Atshabar, B. B., Begon, M., Belmain, S. R., Bertherat, E., Carniel, E., . . . Rahalison, L. (2008). Plague: past, present, and future. *PLoS medicine*, *5*(1), e3. doi:10.1371/journal.pmed.0050003
- Sulaiman al-Jamal, S. U. (2006). *Hāshiyah al-Jamal ʿalā Sharḥ al-Manhaj* (Vol. 4). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Syubair, M. O. (2007). *al-Qawāʿid al-Kulliyah wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Nafaʿis.
- Tang, K. H. D. (2020). Movement control as an effective measure against Covid-19 spread in Malaysia: an overview. *Journal of Public Health*. doi:10.1007/s10389-020-01316-w
- Umar, A. M. (2008). *Muʿjam al-Lughah al-ʿArabīyah al-Muʿāṣirah* (1st ed. Vol. 3). Cairo: Alam al-Kutub.
- Walsh, K. (2014). Documentary research and evaluation in medical education. *J Educ Eval Health Prof*, *11*, 18. doi:<https://doi.org/10.3352/jeehp.2014.11.18>
- Wickremesinghe, R. S. (1997). Bubonic plague--a clinical case with typical microscopic morphology. *Ceylon Med J*, *42*(3), 143-144.
- Yang, R. (2018). Plague: Recognition, Treatment, and Prevention. *Journal of Clinical Microbiology*, *56*(1), e01519-01517. doi:10.1128/JCM.01519-17

Zaydān, A. K. (2015). *al-Wajīz fī Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah fī al-Sharā'ih al-Islāmiyyah* (1st ed.). Beirut: Muasasat al-Risalah Nasyirun.

Zietz, B. P., & Dunkelberg, H. (2004). The history of the plague and the research on the causative agent *Yersinia pestis*. *Int J Hyg Environ Health*, 207(2), 165-178. doi:10.1078/1438-4639-00259